



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	BAHASA KEBANGSAAN (A)
KOD KURSUS	:	MPU 2043
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2015
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)

2. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja dari BAHAGIAN A dan **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN B. Mula menjawab setiap soalan di muka surat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

Panjang karangan anda adalah **TIDAK KURANG** daripada 300 patah perkataan.

SOALAN 1

Persatuan Mahasiswa kolej anda telah mengadakan program motivasi pelajar di sebuah resort terkemuka. Sebagai presiden persatuan anda dikehendaki menyampaikan ucapan alu-aluan dalam majlis berkenaan.

Tuliskan teks ucapan anda selengkapnya.

SOALAN 2

Pengguna hari ini sangat mudah terpengaruh dengan iklan-iklan yang disiarkan di media massa dan hal ini telah menimbulkan pelbagai kesan yang negatif. Anda ingin menulis sebuah rencana yang memaparkan kesan negatif iklan kepada pengguna.

Tulis rencana anda selengkapnya.

(50 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Bina **SATU (1) AYAT** berdasarkan pernyataan yang diberi.

- a) Ayat majmuk gabungan berurutan.
- b) Ayat penyata
- c) Ayat tanya.
- d) Ayat majmuk pancangan komplemen.
- e) Ayat majmuk pancangan relatif.
- f) Ayat majmuk pancangan keterangan cara.
- g) Ayat majmuk pancangan keterangan musabab
- h) Ayat majmuk campuran
- i) Ayat tak transitif berpelengkap.
- j) Ayat tak transitif tanpa pelengkap.

(10 markah)

SOALAN 2

Gabungkan ayat-ayat berikut sehingga menjadi **LIMA (5)** ayat majmuk sahaja.

Perdana Menteri mengumumkan sesuatu. Kerajaan memberikan hadiah galakan kepada semua universiti. Universiti berjaya merapatkan hubungan antara kaum. Universiti berjaya menarik penyertaan pelajar daripada semua kaum. Pengumuman itu dibuat sebagai akibat wujud kebimbangan ketara terhadap perpaduan kaum di universiti. Perpaduan kaum di universiti semakin longgar. Ada dalam kalangan mahasiswa enggan melibatkan diri dalam aktiviti anjuran universiti. Ada dalam kalangan mahasiswa enggan melibatkan diri dalam aktiviti anjuran pelajar kaum yang lain. Mereka dikatakan mengasingkan diri mengikut kaum. Mereka dikatakan tidak berkongsi bilik asrama. Mereka dikatakan duduk berasingan di bilik kuliah. Mereka dikatakan duduk berasingan di padang permainan. Mereka dikatakan tidak bercampur ketika menyertai kegiatan kokurikulum. Hal tersebut mewujudkan situasi yang tidak sihat. Situasi ini menjejaskan masa hadapan negara.

(10 markah)

SOALAN 3

Proses pengimbuhan adalah proses yang menambahkan atau menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Dalam petikan berikut terdapat kata dasar yang belum menerima apa-apa imbuhan bagi melengkapkan ayat yang diberi. Anda dikehendaki menambah imbuhan pada kata dasar **yang bergaris**. Anda tidak perlu menyalin semula petikan.

Guru hadap(1) dengan pelajar daripada pelbagai latar belakang budaya dan agama. Oleh itu menjadi cabar(2) kepada guru untuk pupuk(3) kesedaran berhubung dengan kepelbagaian budaya yang unik di negara ini. Ada yang menganggap bahawa mahir(4) guru dalam situasi ini merupakan cabaran kemahiran P & P pada abad ke-21.

Untuk melihat kemahiran guru dalam konteks ajar(5) kepelbagaian budaya, satu pemerhatian dan temu bual laku(6) oleh Fakulti Pendidikan, UKM, terhadap tujuh orang guru mata pelajaran Sejarah daripada lima buah sekolah yang pilih(7).

Hasil kajian tersebut mendapati bahawa kesemua guru yang terlibat bukan sahaja cekap sampai(8) fakta sejarah dengan dekat(9) pelbagai budaya, malah mereka juga menjadi contoh dan teladan kepada murid termasuklah bersedia menerima dan menghormati pelajar yang beza(10) latar belakang budaya mereka.

(Disesuaikan daripada rencana "Guru Celik Budaya Malaysia",
Dewan Masyarakat, Bil. 11, 2014)

(10 markah)

SOALAN 4

Tukar ayat **aktif** di bawah kepada ayat **pasif**.

- a. Salinah mencuci pakaian sambil mendengar radio.
- b. Kita perlu menggunakan media sosial secara bijak agar dapat memberi kebaikan kepada semua pihak.
- c. Guru memahami aspek penting dalam menyemai semangat perpaduan dalam kalangan pelajar.
- d. Saya mengikuti latihan tdi padang sekolah pada setiap hari Sabtu.
- e. Kami menyanyikan lagu kebangsaan dengan penuh semangat.
- f. Tuan Zafrul mengundang kami ke majlis perkahwinan anaknya pada minggu hadapan.
- g. Ibu memasak makanan kegemaran saya dan adik.
- h. Aku menulis rencana itu untuk diterbitkan dalam surat khabar Berita Harian.
- i. Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan buku-buku dalam bahasa Melayu sebagai rujukan kepada orang ramai.
- j. Mereka merampas barang-barang yang diseludup itu petang semalam.

(10 markah)

SOALAN 5

Berdasarkan petikan di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Kecemerlangan akademik dan kokurikulum tidak akan memberikan apa-apa makna jika tidak dilengkapi sahsiah yang mulia. Hal ini dibuktikan dengan pertambahan bilangan jenayah kolar putih dan gejala sosial yang dilakukan oleh golongan terpelajar. Ilmu dan kemahiran yang dimiliki disalahgunakan untuk kepentingan peribadi. Jenayah siber misalnya, banyak dilakukan oleh golongan muda terpelajar yang mahir dalam bidang teknologi.

Kajian mengenai gejala sosial yang dilaksanakan oleh sekumpulan penyelidik terhadap para pelajar politeknik mendapati bahawa masalah sosial

tetap berlaku walaupun dilaksanakan pengawalan yang tinggi oleh pihak pengurusan. Sikap penekanan kepada kecemerlangan akademik semata-mata dan pengabaian aspek pembangunan insan telah dikenal pasti sebagai punca. Golongan pelajar ini tidak diterapkan dengan nilai murni sehingga menyebabkan pembangunan diri tidak seimbang, jiwa menjadi kosong dan lebih cenderung melibatkan diri dengan pelbagai penyakit sosial sebagai pengubat hati.

Kemelut keruntuhan moral hari ini cukup membimbangkan. Statistik menunjukkan bahawa gejala sosial hari ini bukan sahaja melibatkan remaja yang keciciran, malah pelajar yang masih bersekolah dan lebih gawat lagi ada dalam kalangan mereka merupakan pelajar yang cemerlang. Hal ini sudah tentu mengusarkan para pemimpin kita yang sedang berusaha keras untuk memastikan aspirasi Malaysia mencapai taraf negara maju mengikut acuannya tersendiri menjelang tahun 2020 tercapai.

- a. Nyatakan dua contoh penyakit sosial yang sedang melanda remaja Malaysia hari ini.

(2 markah)

- b. Huraikan empat sebab golongan muda dan terpelajar terlibat dengan jenayah kolar putih di negara kita.

(4 markah)

- c. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani gejala sosial di negara kita?

(4 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

